

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2015**

**RUJUKAN : 8261**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah terkini yang telah pun diambil untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar dari Australia memandangkan pendirian Menteri Dalam Negeri dalam bulan Mac, 2015 bahawa rundingan proses ekstradisi tersebut dengan Kerajaan Australia akan dimulakan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses untuk membuat rundingan dengan Kerajaan Australia bagi membawa balik Sirul ke Malaysia supaya menjalani hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana tidak semua negara menyokong pelaksanaan hukuman mati, termasuklah negara Australia.**